

25/06/1998

Daim, Kasitah sertai kabinet (HL)

KUALA LUMPUR, Rabu - Penasihat ekonomi kerajaan, Tun Daim Zainuddin hari ini dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri dan dipertanggungjawabkan dengan tugas berhubung soal pembangunan ekonomi.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Kasitah Gaddam pula dilantik sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, menggantikan Datuk Osu Sukam yang kini memegang jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, pelantikan kedua-dua menteri baru itu sudah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar. Mereka akan mengangkat sumpah jawatan Jumaat ini pada jam 9.30 pagi di hadapan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara.

Kenyataan itu menyebut, Kasitah akan terlebih dulu dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dan dijadual mengangkat sumpah sebagai senator pada jam 12 tengah hari esok.

Daim, 60, pernah menjadi Menteri Kewangan pada 1984 hingga 1991. Beliau kini ialah Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang ditubuhkan awal tahun ini sebagai badan perundingan kepada Jemaah Menteri dalam usaha menangani masalah ekonomi.

Kasitah pula pernah memegang jawatan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dari 1990 hingga 1994.

Daim kembali semula ke Kabinet ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi paling buruk dalam sejarah sehingga beliau sendiri memberi tumpuan sepenuhnya kepada masalah itu sejak kemelut melanda pada Julai tahun lalu.

Walaupun meletakkan jawatan dari Kabinet pada Mac 1991 selepas tujuh tahun menjadi Menteri Kewangan, beliau banyak menyumbang dalam pengurusan ekonomi negara.

Selain itu, Daim juga terbabit secara aktif dalam pembangunan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA), bertujuan memesatkan pembangunan kawasan yang mundur di Brunei, Kalimantan di Indonesia, Sabah dan Sarawak dan selatan Filipina melalui konsep Segitiga Pertumbuhan.

Daim juga mengetuai pembangunan ekonomi dua pulau di negara ini - Langkawi dan Labuan - dan beliau ialah pengerusi Lembaga Pembangunan Langkawi dan Lembaga Pembangunan Labuan.

Bagaimanapun, pelantikan beliau sebagai Pengarah Eksekutif MTEN paling mendapat perhatian, baik di dalam mahupun di luar negara.

MTEN ialah badan yang ditubuhkan khusus bagi menangani krisis ekonomi Disember lalu dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pengerusi dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai timbalan pengerusi.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjelaskan tugas baru Daim itu tidak bertindih dengan fungsi Menteri Kewangan, yang dipegang oleh timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Tidak ... kalau nak kira bertindih, ia (bertindih) dengan menteri industri (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri), menteri domestik (Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), termasuk saya juga akan dianggap bertindih.

"Tetapi tumpuannya ialah kepada masalah kegawatan ekonomi. Tugas sebenarnya ialah fungsi khas berkenaan masalah ekonomi secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis Makan Malam Bersama Perdana Menteri, bagi meraikan kakitangan ibu pejabat Umno, Putra World Trade Centre (PWTC) dan ahli koir yang bertugas sepanjang Perhimpunan Agung Umno, yang berakhir Ahad lalu.

Turut hadir Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Sham dan Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabaruddin Chik.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata pelantikan Daim adalah disebabkan tugas beliau sebagai Pengarah Eksekutif MTEN.

"Kita dapati dia susah untuk menjalankan tugas kerana kalau kita hantar dia keluar negeri, dia tidak dapat berjumpa dengan menteri. Dia cuma boleh berjumpa dengan pegawai sahaja kerana tidak ada taraf menteri.

"Lagipun banyak keputusan dan penyelidikan oleh MTEN yang dibentangkan di dalam Kabinet perlu penjelasan dan sebagai menteri dia boleh memberi penjelasan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir menafikan khabar angin kemungkinan akan berlaku perubahan di peringkat Bank Negara, terutama pelantikan Gabenor baru: "Saya tidak dengar apa-apapun."

(END)